

JAMADIL AWAL

(oleh Penulis Budiman)

-----*-----*-----

Rabiul Akhir selamat bertolak

Jamadir Awal mengganti pulak

Demikian menurut perjalanan falak

Peredaran alam pusingan olak.

Perginya "masa" balik tak mahu

Bukan seperti sampan perahu

Akal yang sempurna sedar dan tahu

Kewajipan tanggungan beban di bahu.

Tiga kewajipan tiap-tiap manusia

Kepada Allah Tuhan yang kaya

Kepada makhluk hina dan mulia

Demikian kepada dirinya dia.

Pertama kewajipan kepada Allah

Kelak disoal benar dan salah

Mahkamah akhirat tak dapat berolah

Sendiri buat sendiri jawablah

Di hadapan kadi Rabbi Rabbana

Harta dan anak tak dapat diguna

Sesal pun tidak ada makna

Kerana lalai di dunia fana.

Di dunia fana lupakan bekal

Untuk akhirat negeri yang kekal

Di sana tak laku dalih dan sangkal

Melainkan amal ibadah yang pukal.

Kedua kewajipan kepada makhluk

Adab perangai biarlah elok

Jangan sebarang-sebarang dijolok

Menurut tamak memenuhkan tembok.

Hidupan kita akan bercampur

Masa di darat masa di lumpur

Terkadang-kadang bersahabat terkadang bertempur

Jangan hendak gopoh menggelupur.

Hidup di dunia berbagai campuran

Bukan sahaja kepada hiburan

Tapi yang benci menyalah aturan

Semuanya hendak ambil fikiran

Fikir dan timbang tolok dan padan

Mana yang baik ambil tauladan

Apa yang jahat buat sempadan

Dunia akhirat tidaklah rodan.

Ketiga kewajipan kepadanya diri

Makanan akal ilmulah dicari

Pengetahuan elok segeraldah diri

Sifatnya hamba kadarlah diri.

Demikian perut lapar nak makan

Cara yang halal isi penuhkan

Jangan yang haram yang bukan-bukan

Di situlah kelak punca kerosakkan

Tubuh badan juga demikian

Hendakkan ubat hendakkan pakaian

Sejuk panas hendak dilayan

Supaya terlepas sakit meroyan

Tujuh "ri" menjaga diri

Menurut curam jangan berlari

Merapat hutan jaga duri

Menyeluk lubang jaga jari.

Hak orang jangan curi

Salah orang jangan cari

Baik kenal hal sendiri

Jika ada segera beri.

Demikianlah hidup kewajibannya tiga

Kepada Allah, makhluk, dirinya juga

Di situlah tilik selidik dan jaga

Yang mana jalan! Ke neraka ke syurga.

(sambungan daripada muka 26)

CONTOH KEPADA MALAYA

(Jasa al-Malik Fouad dan adindanya Tuan Puteri Fatimah

dikenang dan dijunjung tinggi sekalipun mereka telah

tiada lagi. Kita di Semenanjung Tanah Melayu ini telah dahaga

kepada sebuah kolej Islam dan suatu jawatankuasa

kerananya telah pun ditubuhkan. Tetapi hingga hari ini

keadaannya hidup segan, mati tak mahu. Bantuan-bantuan sangatlah

lemah dan usaha-usaha untuk mendapatkan derma-derma itu boleh

dikata hampir-hampir mengecewakan.

Kita ada mempunyai sembilan raja dan sembilan

permaisuri. Rakyat jelata Melayu boleh dikatakan miskin.

Tetapi sungguhpun demikian kalau pengorbanan diadakan oleh

pihak raja-raja sudah tentu insya-Allah kita akan

mendapat buahnya dan rakyat tentu lebih bergembira.

Rumahnya telah ada dan telah siap daripada wakaf Almarhum

Sultan Atiqullah Selangor tetapi alat-alatnya belum mencukupi

oleh yang demikian contohilah pengorbanan yang bersama-sama di dalam

riwayat Universiti Fouad al-Awal ini iaitu pengorbanan

bersama di antara rakyat dengan rajanya. Getah telah naik harga

dan kemewahan sebahagian tempat telah pun ada maka tidakkah

ada pengorbanan kerananya? Jawabnya terpulang kepada keinsafan

masing-masing. F. K.)